

**Belanjawan 2013 Bukti Kerajaan BN Prihatin Terhadap Golongan Muda - Ahmad Zahid  
Bernama  
30 September, 2012**

BUTTERWORTH, 30 Sept (Bernama) -- Pelbagai insentif untuk golongan belia yang diumumkan dalam Belanjawan 2013 jelas membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa prihatin dan mendengar suara dan isi hati golongan muda, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata sebanyak RM51.7 bilion yang diperuntukan dalam belanjawan untuk golongan muda menunjukkan dakwaan sesetengah pihak bahawa kerajaan tidak ambil peduli suara orang muda terbukti tidak benar.

"Belanjawan yang dbentangkan memperlihatkan keprihatinan dan suara generasi muda diambil kira oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pelancaran program 'BN Pilihan Orang Muda' peringkat negeri Pulau Pinang, di sini Ahad.

Ahmad Zahid, yang juga Menteri Pertahanan, berkata golongan muda mula menunjukkan dokongan terhadap BN setelah mereka melihat kerajaan berjaya menepati semua yang dijanjikan.

Ini dapat diterjemahkan dengan kehadiran mereka yang menggalakkan pada setiap perhimpunan yang dianjurkan oleh BN, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698561>